

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN
BIN HAJI ATAN**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan pelaksanaan sistem ujian memandu kenderaan menerusi '*e-testing*' iaitu sistem pengukuran prestasi calon ujian memandu secara elektronik (automasi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, *e-testing* adalah merupakan satu perancangan pelaksanaan **Sistem Ujian Memandu Secara Digital, Berautomasi dan Berkomputer** yang menggunakan elemen-elemen teknologi komunikasi, sensor, satelit (GPS) dan lain-lain kaedah automosi/pendigitalan di dalam proses pengujian bagi mendapatkan lesen memandu. Di peringkat awal, fokus akan diberikan kepada proses pengujian mendapatkan lesen memandu dalam kelas motokar di dalam Bahagian II (Litar) dan Bahagian III (Jalan Raya).

Inisiatif *e-testing* ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan tahap integriti ujian, kualiti kompetensi calon, keberkesanan sistem latihan serta mengurangkan elemen intervensi manusia dalam proses pengujian bagi mendapatkan lesen memandu.

Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sedang melaksanakan kajian terperinci bagi menilai aspek pengadaptasian inisiatif ini di dalam sistem pengujian pemanduan di Institut Memandu. Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara utama yang masih perlu diteliti dan diberi perhatian terutamanya dari aspek perundangan, aspek teknikal melibatkan ketepatan data pengujian, perincian skop *hardware* dan *software* sistem, kos pembangunan dan pengoperasian serta kaedah-kaedah pelaksanaannya sebelum ianya boleh dikuatkuasa dan digunakan sepenuhnya di semua Institut Memandu di Malaysia.